

# **ANJAKAN MAKNA JEBAT, TUAH DAN BARU/WANGI DALAM DRAMA *MATINYA SEORANG PAHLAWAN***

**RAHMAN SHAARI** 

---

## **ABSTRACT**

This article analyses the shift of meaning in a work of adaptation. The text used for this study is *Matinya Seorang Pahlawan* by Usman Awang. Usman Awang had used *Hikayat Hang Tuah* as a source to write *Matinya Seorang Pahlawan*. In the process of adaptation, Usman incorporated the socialist ideology and his anti-feudal attitude. To make the characters and the story line parallel to his thought, Usman put aside all the negative aspects of Hang Jebat, and all positive aspects of Hang Tuah. He also created the character of Dang Wangi as the ideal lover of Jebat.

**Keywords:** *lyrical prose, meaning, Malay drama, socialist ideology, epic, Malay literature*

## **PENGENALAN**

Drama prosa liris *Matinya Seorang Pahlawan* karya Usman Awang mengubah perwatakan Jebat dan Tuah daripada *Hikayat Hang Tuah* agar dapat disesuaikan dengan fikiran baharu dan peribadi adaptornya. Watak Dang Wangi diwujudkan bagi maksud yang sama. Pemikiran Usman Awang dalam drama ini, selain bersifat peribadi, dapat juga dikesan sebagai hasil pengaruh realisme sosialisme dan antifeudal. Karya asal, iaitu *Hikayat Hang Tuah*, tidak demikian. Untuk menunjukkan hal ini, perbandingan teks diperlukan.

*Hikayat Hang Tuah* ialah karya epik Melayu yang memegang kuat pandangan hidup orang Melayu zaman lampau. Hikayat itu berkisah tentang kehebatan Hang Tuah dan empat orang sahabatnya. Mereka menumpahkan taat setia kepada Sultan Melaka. Kepahlawanan dan ketaatan mereka kepada Sultan ditunjukkan dalam beberapa banyak tempat dalam hikayat itu. Tidak dapat disangkal lagi, dalam *Hikayat Hang Tuah*, kepahlawanan dan ketaatan adalah serentak dan sejalan.

Berlakunya peristiwa pertikaman Hang Tuah dan Hang Jebat bermula daripada hukuman yang dijatuhkan oleh Sultan ke atas Hang Tuah kerana difitnah bermukah.

Yang menyampaikan fitnah ialah Patih Kerma Wijaya, orang besar istana yang dipercayai Sultan. Fitnah itu berasal daripada para pegawai yang tidak senang dengan kurnia yang diperoleh Hang Tuah. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, komplot ini dinyatakan secara terang-terangan (Kassim 1995: 347). Mereka berdengki kerana Hang Tuah selalu memperoleh kurnia daripada Sultan. Memang Patih Kerma Wijaya terbabit secara langsung dalam hal ini, tetapi dia bukanlah pemula.

Perkara penting dalam konteks ini ialah sikap Sultan yang begitu mudah menghukum sesiapa saja. Hal ini dapat dilakukannya kerana kuasa penuh yang ada padanya. Apabila Hang Tuah dikatakan oleh Patih Kerma Wijaya “bertemu dengan seorang perempuan dalam istana...”, maka Sultan tidak dapat menahan rasa murkanya. Istilah “mukah” dan “kendak” tidak digunakan oleh orang besar itu, tetapi Sultan telah menanggapi keseluruhan maknanya. Jawapan Sultan ialah satu sindiran dengan bahasa ironis yang amat sarkastik: “Alangkah baik budinya Si Tuah ini. Haraplah aku akan dia.” (Kassim 1995: 349).

Sultan kemudian meminta bendahara membuang (membunuh) Hang Tuah. Tuduhan “menderhaka” tidak memerlukan sebarang bukti kerana Sultan dalam keadaan murka dan syak. Demikianlah punca Hang Jebat menderhaka.

Apabila kita meninjau sikap Hang Tuah melalui peristiwa yang selanjutnya, kita dapat kesetiaan tokoh itu adalah mutlak. Setelah berfikir bahawa dirinya pasti akan mati, Hang Tuah sempat berpesan kepada Hang Jebat agar bertingkah secara yang sesuai dengan sistem ketika itu. Bahasa Hang Tuah untuk menyatakan maksudnya adalah halus, “Adapun pada firasat hamba dan penglihatan hamba, sepeninggalan hamba ini, saudaraku, jangan saudaraku menanggung nama paduka raja kerana paduka raja itu nama bendahara; barangsiapa menjadi bendahara, maka sahut bernama paduka raja itu.” (Kassim 1995: 352).

Maksud kata-kata di atas memerlukan tafsiran. Untuk itu, konkretisasi dituntut. Frasa “menanggung nama” membawa makna mengambil gelaran. Perkataan “sahut” dalam konteks di atas bermakna layak. Ertinya, dipesan oleh Hang Tuah agar janganlah Hang Jebat menggunakan gelaran paduka raja, kerana Hang Jebat tidak layak. Hang Tuah tampaknya sudah tahu bahawa Hang Jebat akan berusaha mendapatkan gelaran itu. Ramalan atau telahan Hang Tuah tentulah berdasarkan pengetahuannya tentang sikap dan perangai Hang Jebat. Mereka bersahabat sejak kecil, jadi tentulah Hang Tuah tahu tentang hati budi Hang Jebat! Telahan Hang Tuah kemudiannya ternyata tepat (Kassim 1995: 357).

Hang Jebat juga tahu tentang Hang Tuah yang setia seratus peratus kepada Sultan. Itulah sebabnya dia tidak mencadangkan apa-apa dalam hal menghadapi hukuman. Dia diam sahaja. Dia mengambil keris Taming Sari dari tangan Hang Tuah, dan dibawanya balik ke istana. Keris itu diserahkan kepada Sultan. Sultan tidak mengambilnya, sebaliknya bertitah kepada Hang Jebat, “Pakailah keris itu, Tun Jebat.” Dengan titah Sultan itu, Hang Jebat berkata di dalam hatinya, “Aku pula rupanya menjadi laksamana!” (Kassim 1995: 352). Dia ketika itu terlalu gembira. Di sini kita lihat perbauran perasaan, iaitu Jebat berasa sedih kerana Tuah dihukum mati, dan berasa gembira kerana keris Taming Sari jatuh ke tangannya.

Perhatikan bahawa Sultan tidak melantik Hang Jebat menjadi laksamana. Hang Jebat sendiri merasakan dirinya dilantik, setelah Sultan mengatakan bahawa dia boleh memakai keris Taming Sari. Perangai Hang Jebat ini telah diketahui oleh Hang Tuah, seperti yang telah dibayangkan sebelumnya.

Antara dua perasaan yang berbaur itu, perasaan marah lebih dominan. Hang Jebat sebenarnya boleh bergembira terus kerana memperoleh kurnia, iaitu keris Taming Sari, dan kemudian gelaran Paduka Raja, tetapi ingatannya terhadap tindakan zalim Sultan tetap menguasai jiwanya. Tahap ekspresi kemarahan dan penentangan Jebat beransur-ansur tinggi. Dia mulanya berkelakuan secara yang merimaskan kesemua orang ketika di dalam istana. Bahasanya kepada para pegawai adalah kesat. Tidak dibenarkannya para pegawai masuk ke istana. Katanya, "Jangan tuan-tuan masuk haru-biru, kerana dahulu lain sekarang lain..." (Kassim 1995: 356). Bertolak daripada tahap kemarahan dan penentangan yang tersirat pada kata-kata di atas, Hang Jebat kian bermaharajalela. Apabila perubahan Jebat cukup ketara, Sultan tidak tertahan, lalu berpindah ke rumah Bendahara.

### **ANJAKAN MAKNA**

Pembicaraan seterusnya akan tertumpu kepada tiga watak, iaitu Hang Jebat, Hang Tuah, dan Dang Wangi. Akan diperlihatkan perubahan watak-watak itu hasil anjakan makna. Usman Awang mahu menyatakan hal atau perkara lain, bukannya hal atau perkara yang menjadi maksud pengarang *Hikayat Hang Tuah*. Memang terkesan bahawa *Hikayat Hang Tuah* secara halus menegur Sultan, tetapi teguran itu tidak sampai mewirakan Hang Jebat yang menuntut bela atas kematian sahabatnya.

#### **Hang Jebat**

Drama ini bermula dengan memperlihatkan tingkah laku Hang Jebat. Dia meminta dayang menyanyi bagi menghiburkannya, sama dengan nyanyian untuk Sultan. Ini dapat dianggap menyamai teks asal yang menyebutkan Hang Jebat bertemasya dengan dayang-dayang dan gundik Sultan. Namun, dalam *Matinya Seorang Pahlawan*, gambaran perlakuan Hang Jebat dilembutkan. Hang Jebat membayangkan hasratnya untuk bersama Dang Wangi dengan menyebutkan perlakuan Sultan terhadap dayang-dayang itu. Katanya, "Aku tahu sebab aku mendengarkan, mata pun menyaksikan betapa nikmat ketika raja yang berkuasa mengecap dalam selera yang tak pernah puas madu manis Dang Wangi." (Usman 1987: 225).

Kata-kata di atas mendukung makna hubungan kelamin. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, kata-kata yang digunakan adalah tepat dan langsung, "Maka Hang Jebat pun bermukah dengan segala dayang-dayang." (Kassim 1995: 358). Jika kata-kata yang tercatat dalam *Hikayat Hang Tuah* itu digunakan, imej Hang Jebat menjadi amat buruk. Walau bagaimanapun, memang terdapat dialog dalam *Matinya Seorang Pahlawan* bahawa Hang Jebat melakukan hubungan badaniah dengan Dang Wangi di dalam istana.

Kata-kata "...bermukah dengan segala dayang-dayang" menunjukkan kegelojohan Hang Jebat. Itulah yang mahu digambarkan oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah*. Namun, dalam *Matinya Seorang Pahlawan*, cinta Hang Jebat hanyalah untuk Dang Wangi, dan hubungan hanya berlaku dengan perempuan itu. Dialog yang menyatakan hal itu disampaikan dengan cukup romantik.

Keromantikan Hang Jebat dalam drama Usman Awang ini menimbulkan rasa sayang pembaca/penonton kepadanya. Dia seperti tidak tertarik kepada mana-mana dayang-dayang, kecuali Dang Wangi. Gambaran hubungan romantik antara Hang

Jebat dengan Dang Wangi antara lain bermaksud menyatakan kelembutan hati. Hang Jebat yang dilukiskan oleh Usman Awang ialah watak yang memilih kedamaian dan penyedih, tetapi keadaan telah menyebabkan dia menjadi pemberontak. Selain itu, dengan kuasa yang ada padanya di istana, iaitu setelah Hang Tuah tiada, Hang Jebat juga mahu merasai nikmat seperti yang dinikmati Sultan. Selera Sultan terhadap Dang Wangi tidak berbeza daripada seleranya.

Kata-kata Hang Jebat yang paling romantik dan sedih atau menyayukan ialah yang di bawah ini (Usman 1987: 227):

Pergilah Dang Wangi, bawalah kasihku bersama seperti yang kautinggalkan padaku ini.

Kata-kata di atas dituturkan ketika di halaman istana telah berdiri Hang Kasturi yang datang mencabarnya untuk bertikam. Yang hendak dikatakan oleh Usman Awang ialah apa-apa yang dirasai Hang Jebat, iaitu rasa berani dan rasa kasih. Dia tidak gentar untuk menghadapi lawannya, dan dia juga tidak merasakan bersurutnya rasa kasih terhadap Dang Wangi.

Dengan perlukisan yang demikian, pembaca/penonton mengharapkan Hang Jebat tidak akan mati. Namun, *Matinya Seorang Pahlawan* ialah adaptasi daripada hikayat yang dikenali. Oleh itu pembaca/penonton Melayu amnya, dan pembaca/penonton lain yang mengikuti epik ini, sedia tahu tentang akhirannya. Pembaca/penonton hanya ingin menghayati kaedah pengemukaan pemikiran dan idea asli adaptor.

Hang Jebat dalam *Matinya Seorang Pahlawan* tidak memiliki cacat cela. Dia dituduh menurut nafsu oleh Hang Kasturi, tetapi tuduhan itu didiamkan saja. Dalam skrip Usman Awang ini, tuduhan tersebut hanya dikaitkan dengan penderhakaan, tidak dengan tingkahnya menggauli perempuan-perempuan istana. Inilah kata-kata Hang Kasturi (Usman 1987: 228):

Tidak begitu, engkau sebenarnya menurut nafsu bukan oleh kebenaran yang hakiki kerana siapakah yang paling berkuasa jika bukan atas kedaulatan raja?

Tentulah kata-kata Hang Kasturi tidak kemas jika dibandingkan dengan kata-kata Hang Jebat. Jawapan Hang Jebat, antara lain berbunyi (Usman 1987: 228):

... suruhlah pegawai-pegawai yang hasad dan dengki maka berlakunya hukuman pada abang Tuah datang mereka ke mari, atau raja Melaka sendiri, supaya akan kubalaskan darah merah...

Sesiapa pun yang mendengar kedua-dua ucapan itu pasti akan menyebelahi Hang Jebat. Tujuan Hang Jebat dalam *Matinya Seorang Pahlawan* tidak lain daripada membela Hang Tuah, yang bererti membela keadilan.

Apabila Hang Tuah muncul kembali, Hang Jebat kehairanan, dan mula-mulanya tidak percaya. Setelah hal itu ketara, Hang Jebat bersemuka dengan "lawan yang baru", yang tidak pernah terfikir olehnya. Dalam drama ini kesetiaan Hang

Tuaht yang tidak berbelah bagi itu diejek oleh Hang Jebat. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, kita tidak menemukakan ejekan. Hang Jebat berkata, "...jika aku tahu akan engkau ada hidup, demi Allah dan Rasulnya tiada aku berbuat pekerjaan ini." (Kassim 1995: 382). Kata-kata di atas adalah lurus, dan jauh daripada mengejek.

Yang lebih utama untuk disebutkan dalam konteks ini ialah perlakuan Hang Jebat sebelum Hang Tuah naik ke istana. Hang Jebat telah membunuh kesemua dayang yang berjumlah 700 orang; tiada seorang pun yang selamat (Kassim 1995: 383). Ini bererti, Hang Jebat tidak mempunyai kekasih yang benar-benar dicintainya di dalam istana itu. Dalam hikayat, tiada Dang Wangi, dan jika ada perempuan istimewa seperti Dang Wangi, tidaklah juga dikasih Hang Jebat. Mungkin dapat dihujahkan bahawa Hang Jebat telah membunuh kesemua perempuan di dalam istana, biarpun antara mereka ada yang dikasihinya, kerana tidak mahu Sultan memperoleh kembali perempuan-perempuan itu. Jika itu maksudnya, Hang Jebat masih tetap kejam, tidak menyamai pelukisan oleh Usman Awang.

Kekejaman Hang Jebat dipadamkan langsung oleh Usman Awang kerana gambaran itu bercanggahan dengan hasratnya. Usman Awang mahu menghasilkan adaptasi yang membawa makna bahawa Hang Jebat ialah wira sejati kerana rela berkorban demi menentang kezaliman. Usman tidak seperti Ali Aziz yang menyebutkan berlakunya mukah oleh Hang Jebat dengan dayang-dayang, dan menjustifikasikannya dengan mengatakan bahawa perbuatan mukah itu juga adalah untuk "menuntut bela" (Siti Aishah 1993: 45).

Dalam drama ini, apabila keris Taming Sari berada di tangan Hang Tuah, Hang Jebat tahu bahawa dia akan tewas. Kata-kata Hang Jebat ketika itu menunjukkan bahawa Hang Tuah berjuang untuk memperoleh kurnia. Yang di bawah ini ialah kata-katanya (Usman 1987: 234):

Sekarang engkau dapat melukaiku, lihat nanti teriakan kegembiraanmu.  
Darah! Darah! Darah si Jebat mengalir sudah. Kurnia! Kurnia! Kurnia  
baginda di bawah sembah.

Jika bersandarkan *Hikayat Hang Tuah*, tiadalah layak Hang Jebat menjeritkan kurnia. Telah disebutkan, menurut *Hikayat Hang Tuah*, Hang Jebat sendiri memperoleh kurnia, iaitu gelaran paduka raja, satu gelaran besar yang dulunya dilarang oleh Hang Tuah agar Hang Jebat tidak menerimanya. Hang Jebat juga telah memperoleh kurnia keris Taming Sari. Dia sendiri tergilak-jilakan jawatan laksamana, hingga dia menjadi perasa bahawa telah memperoleh jawatan itu, biarpun Sultan tidak melantiknya. Jadi, kurnia ialah impian Hang Jebat. Walau bagimanapun, Usman Awang meniadakan bahagian tersebut.

Usman Awang juga tidak melukiskan nasib malang jenazah Hang Jebat. Jenazah itu mendapat penghinaan Sultan, digantung di tempat orang lalu lalang. Dalam naratif *Hikayat Hang Tuah*, jenazah itu disebut "bangkai", satu tanda bahawa pengarang menyetujui bahawa Hang Jebat ialah penjahat. Anak Hang Jebat hasil mukahnya dengan Dang Baru, Hang Kadim namanya, telah diperintahkan dibuang ke laut oleh Sultan. Hang Tuah meminta jasa baik Tun Teja, dan akhirnya anak kecil itu dihantar ke Inderapura (Kassim 1995: 399). Semua ini tidak dinyatakan dalam *Matinya Seorang Pahlawan*.

## **Hang Tuah**

Hang Tuah dalam *Matinya Seorang Pahlawan* tidaklah terlalu berbeza daripada Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah*. Hal ini demikian kerana sifat setianya tidak diubah oleh adaptori.

Dalam *Matinya Seorang Pahlawan*, ketaatan Hang Tuah diejek oleh Hang Jebat. Dia ada menyamakan ketaatan Hang Tuah dengan ketaatan Dang Wangi yang sanggup melayani Sultan. Sebenarnya kedua-dua mereka jauh berbeza. Hang Tuah benar-benar taat kepada Sultan, manakala dayang, biduan dan gundik “bertugas” di istana kerana terpaksa. Mungkin sistem pada masa itu tidak menimbulkan rasa rendah diri para perempuan yang menjadi pelayan Sultan, tetapi tumbuhnya kesetiaan mereka terhadap Sultan tidak mungkin menyamai tumbuhnya kesetiaan dalam diri Hang Tuah.

Hang Tuah mempunyai kepercayaan bahawa kesetiaan kepada Sultan adalah sejarah dengan keimanan. Hal ini tentulah hasil propaganda masa lalu bahawa Sultan ialah bayang-bayang Tuhan. Ketika dia hendak turun dari rumah Bendahara untuk ke istana bertikam dengan Hang Jebat, dia memakai ikat pinggang yang bersurat ayat al-Quran, dan berbaju yang bersurat doa (Kassim 1995: 380). Pakaian sedemikian menandakan bahawa dia yakin bahawa perjuangannya menjunjung titah Sultan adalah betul dan religius.

Pemergian Hang Tuah ke istana untuk membunuh Hang Jebat, jika dibalikkan kepada makna asal, dapat disimpulkan sebagai pematuhan perintah seorang *womaniser* yang zalim bagi menentang *womaniser* lain yang juga zalim. Istilah *womaniser* perlu digunakan dalam konteks ini, kerana itulah panggilan yang sesuai untuk pengusa yang menyimpan 700 orang perempuan. Hal ini perlu disedarkan bagi melaksanakan huraian mengikut hukum anjakan makna. Makna asal sebenarnya sudah pun demikian, tetapi lantaran sikap taat setia kepada Sultan, perbuatan Sultan menyimpan dayang dan gundik dianggap betul dan sesuai.

Hang Tuah tidak digambarkan mempunyai kecenderungan sedemikian oleh Usman Awang, mahupun oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah*. Dalam *Matinya Seorang Pahlawan*, Hang Tuah disebut oleh Hang Jebat sebagai mangsa fitnah. Apakah bentuk fitnah, tidak disebutkannya. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah difitnah bermukah dengan gundik Sultan. Istilah yang digunakan oleh jurufitnah ialah “berbuat cabul”. Pegawai-pegawai istana menyatakan hal Hang Tuah berbuat cabul kepada Patih Kerma Wijaya, dan Patih Kerma Wijaya menyampaikan berita itu kepada Sultan.

Tidak dinyatakan oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah* sama ada Hang Tuah pernah berbuat demikian, ataupun tidak. Jika mengikut logika, untuk menjatuhkan hukuman berat, Sultan sendiri tentu dapat berfikir. Mungkin telah terkilat oleh Sultan akan keperibadian Hang Tuah yang memungkinkan peristiwa itu berlaku.

Perlu disebutkan bahawa dalam *Hikayat Hang Tuah*, beliau bukan sekali difitnah, tetapi dua kali. Fitnah yang pertama hampir sama polanya berbanding dengan fitnah yang kedua. Pereka fitnah ialah pegawai-pegawai istana, dan penyampainya ialah Patih Kerma Wijaya juga. Hang Tuah telah beredar ke Inderapura, setelah diselamatkan oleh Bendahara. Di Inderapura, Hang Tuah berusaha mendapatkan Tun Teja untuk dibawa balik dan dihadiahkan kepada Sultan Melaka. Setelah menerima hadiah istimewa itu, Hang Tuah diampunkan (Kassim 1995: 205–252)

Fitnah yang pertama tidak disebutkan dalam *Matinya Seorang Pahlawan*. Lagipun, fitnah yang pertama itu tidak menyebabkan Hang Jebat mengamuk. Tidak diberikan alasan kenapakah Hang Jebat dapat menerima fitnah itu. Mungkin Hang Jebat tidak mengetahui berlakunya hukuman tersebut. Yang diketahuinya ialah secara tiba-tiba Hang Tuah menghilangkan diri. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, penceritaan tentang fitnah yang pertama itu tertumpu kepada tindakan Hang Tuah di Inderapura dalam usahanya mendapatkan Tun Teja.

Berkaitan dengan fitnah yang kedua, kita dapatti adalah sesuai anggapan Hang Jebat bahawa dirinya pun akan difitnah jika dia bersikap sama dengan Hang Tuah. Hakikat Hang Jebat suka bermukah adalah jelas dalam *Hikayat Hang Tuah*. Tabiat atau tingkah laku Hang Tuah berkaitan dengan perempuan tidak dinyatakan oleh pengarang.

Dengan fikiran sepintas lalu, agak aneh Sultan dapat mempercayai fitnah yang kedua dengan mudah setelah Hang Tuah diterima kembali oleh baginda. Bentuk dan isi fitnah kedua menyamai bentuk dan isi fitnah pertama. Apabila kita menggunakan logika, kita akan tiba pada kesimpulan bahawa Sultan tetap mempercayai pegawai-pegawai istana yang diketuai Patih Kerma Wijaya. Penerimaan Sultan akan Hang Tuah setelah dia pulang dari Inderapura bukanlah kerana Hang Tuah didapati tidak bersalah, tetapi kerana dia membawa Tun Teja. Dengan logika ini, maka dapatlah kita anggap bahawa Sultan sentiasa curiga terhadap Hang Tuah. Logika ini menyarankan bahawa kecurigaan terhadap Hang Tuahlah yang menyebabkan Sultan mudah mempercayai berita buruk tentangnya. Jika untuk Sultan, Hang Tuah dapat mengenakan Tun Teja dengan menggunakan ubat pengasih, masakan dia tidak menggunakan ubat itu untuk kegunaannya sendiri.

Hang Jebat sendiri sentiasa berfikir tentang Hang Tuah. Antara kata Jebat ketika berehat daripada bertarung ialah: "Pada bicara hatiku, sedang engkau banyak kebaktianmu dan jasamu lagi dibunuh oleh Sultan, istimewa aku pula" (Kassim 1995: 387). Daripada kata-kata itu, nyatalah bahawa Hang Jebat lebih berpandangan jauh daripada Hang Tuah. Walau bagaimanapun, Hang Tuah tetap percaya bahawa kesetiaan kepada Sultan akan menjamin seseorang itu dapat masuk syurga (Kassim 1995: 387).

Hujah keagamaan ditiadakan langsung oleh Usman Awang dalam *Matinya Seorang Pahlawan*. Daripada sudut pandangan Hang Jebat, Hang Tuah amat mengimpikan kurnia Sultan. Memang betul Hang Tuah disenangi Sultan setelah dia membawa balik Tun Teja, dan kemudian dia sekali lagi akan memperoleh kurnia kerana membunuh Hang Jebat. Akan tetapi, tidak tertunjuk dalam *Hikayat Hang Tuah* bahawa kurnia ialah impian Hang Tuah. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa Usman Awang mengambil dan menyelitkan konteks masyarakat moden Malaysia, iaitu aspek kesukaan dan impian orang sekarang untuk memperoleh "kurniaan" Sultan. Impian sejumlah orang kini ialah pingat dan gelaran. Adaptasi ini memuatkan anjakan yang sedemikian, iaitu menganjakkan perkara lama dengan beberapa perubahan untuk dipadankan dengan isu baharu secara kritis.

Dalam *Matinya Seorang Pahlawan*, Hang Jebat berpeluang menyatakan kehinaan terhadap Hang Tuah, iaitu apabila Hang Tuah menyambar keris Taming Sari daripadanya. Hang Jebat dalam drama ini memulangkan paku buah keras kerana Hang Tuah memberikan sifat hina kepadanya pada awal pertikaman, iaitu ketika

dia menikam Hang Tuah yang sedang memasuki pintu istana. Kata Hang Jebat (Usman 1987: 234):

Sekarang, Tuah, kehinaan yang kausebutkan tadi berbalik sudah untuk dirimu sendiri.

Pemulangan paku buah keras itu menjadikan skrip drama ini istimewa. Walau bagaimanapun, dalam *Hikayat Hang Tuah*, didapati Hang Jebat tidak mengatakan demikian. Kepantasan Hang Tuah menyambar keris Taming Sari itu diterima oleh Hang Jebat. Dia tidak berbahasa sarkastik, sebaliknya menyerah diri (Kassim 1995: 390):

Hai Si Tuah, demi Allah, bunuhlah aku kerana tiada berkeris.

Apabila Hang Tuah mengatakan bahawa Taming Sari ialah miliknya, maka Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah* meminta keris lain, agar dia dapat bertarung, dan mati ketika bersenjata. Baginya, ini akan memasyhurkannya (Kassim 1995: 391). Dalam *Matinya Seorang Pahlawan*, Jebat tidak mengakui bahawa Taming Sari ialah milik Hang Tuah. Katanya (Usman 1987: 234):

Atas kebenaran apa pun kau telah mengerti bahawa Taming Sari berada padaku.

Perubahan dialog di atas bukan sekadar perubahan stail daripada bahasa Melayu tradisi kepada bahasa Melayu prosa lirik moden, tetapi turut menganjukkan makna hingga agak jauh. Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah* merasakan bahawa Taming Sari memang wajar berada di tangan Hang Tuah, dan sejak awal dia tahu bahawa kematiannya memang di tangan Hang Tuah. Dalam *Matinya Seorang Pahlawan* yang diutamakan ialah sikap pengecut Hang Tuah kerana menyambar curi keris Taming Sari itu daripada pinggang Hang Jebat. Perbuatan Hang Tuah dianggap jahat, hingga disamakan dengan kehinaan yang telah disebutkan kepada Hang Jebat.

Setelah Hang Jebat tiada, bakti Hang Tuah ialah menyelamatkan bayinya yang bernama Hang Kadim. Anak Hang Jebat dengan Dang Baru itu telah diperintahkan agar dibuang ke laut oleh Sultan, tetapi Hang Tuah memohon belas kasihan daripada Tun Teja, dan Tun Teja mengusahakannya hingga anak kecil itu berjaya dihantar ke Inderapura.

### Dang Wangi

Ini ialah watak ciptaan Usman Awang bagi membawa beberapa perkara yang diingininya. Dang Wangi ialah dayang istana yang mempunyai suara buluh perindu. Sekurang-kurangnya, itu ialah ukuran dan penilaian Hang Jebat.

Apabila dikaitkan dengan *Hikayat Hang Tuah*, watak ini ialah gantian Dang Baru. Dang Baru tidak tinggal di istana, kerana dia ialah dayang Bendahara. Dapat kita kaitkan Dang Baru dengan Dang Wangi atas satu perkara sahaja, iaitu dalam *Hikayat Hang Tuah* hanya Dang Baru yang dikasihi Hang Jebat, manakala dalam *Matinya Seorang Pahlawan* Hang Jebat mengasihi Dang Wangi. Di istana, Hang Jebat bermukah dengan beberapa banyak dayang, biduan, dan gundik Sultan, dan

kesemuanya dibunuh ketika Hang Tuah tiba untuk bertikam dengannya. Yang ditikamnya itu tentulah ada yang hamil. Hang Jebat tidak mempedulikan semua itu.

Tidak ada tanda bahawa Dang Baru datang tinggal di istana. Dalam dialog dan pelukisan Usman Awang, tidak dinyatakan bahawa Dang Wangi hamil. Oleh sebab Dang Wangi tidak dapat disamakan dengan Dang Baru sepenuhnya, maka kita simpulkan bahawa anjakan terhadap watak itu amatlah jauh. Bahkan dapat dikatakan bahawa Dang Wangi bukanlah perubahan kepada Dang Baru, sebaliknya dilhamkan oleh watak Dang Baru.

Dalam *Hikayat Hang Tuah*, dialog Hang Jebat dengan Dang Baru tidak dihadirkan. Nama Dang Baru hanya disebut oleh Hang Jebat ketika dia akan menghembuskan nafasnya yang terakhir. Selaku pasangan mukah Hang Jebat, Dang Baru tidak menerima apa-apa hukuman, tetapi Sultan mahu membuang anaknya ke laut. Mujurlah Hang Tuah berjaya memujuk Tun Teja bagi menyelamatkan anak kecil itu.

Dalam *Matinya Seorang Pahlawan*, Dang Wangi menjadi menarik kerana turut memberikan pandangannya. Pandangan Dang Wangi, walaupun tentang dirinya, sesekali amat mendalam (Usman 1987: 45):

Hamba selamanya menjalankan titah  
tidak hamba mengetahui apakah ada  
dan  
sukar menyebutkan apakah tiada,  
suatu  
hak hamba untuk menyukai, atau  
memperlihatkan untuk membenci,  
sebab antara keduanya adalah hamba jua:  
perempuan dayang istana.

Bahasa yang berbunga-bunga tetapi bermakna seperti di atas hanya mampu dituturkan oleh perempuan yang matang. Kematangan Dang Wangi inilah yang menyebabkan Hang Jebat amat menyukainya, menurut *Matinya Seorang Pahlawan*. Hang Jebat sendiri ada memberikan tanggapan (Usman 1987: 45):

Aku sekali lagi senang dengan bicaramu  
tanda kau mengenal diri,  
meski menenggelamkan sifat itu,  
kerana derita dan rasa jemu.

Pujian Hang Jebat kemudiannya berlangsung dengan satu konfesi yang menyatakan bahawa hubungan badaniah antara mereka berdua sudah berlaku. Yang amat diingati Hang Jebat ialah hubungan kali pertama (Usman 1987: 45):

Yakinlah hai Dang Wangi  
seperti malam pertama kita ketika  
penyerahanamu dan pemberianku

apa yang menjadi kesukaanmu,  
itulah dia kegemarkanku.

Daripada kata-kata di atas, ternyata bagi Hang Jebat, Dang Wangi adalah baik di ranjang. Ini membuka perwatakan kedua-dua mereka, iaitu Dang Wangi dan Hang Jebat sendiri dari segi persempahan seksual.

Lantaran kebagusan Dang Wangi, bagi Hang Jebat, perempuan itu perlu dijamin selamat. Dia meminta Dang Wangi masuk, ertinya jangan berada di tempat yang dekat dengan peristiwa pertikaman ketika dia dicabar (Usman 1987: 227):

Masuklah, kau tak akan kuat melihat  
darah mencurah di bilik peraduan ini  
sebab bagiku teriakan itu satu alamat  
kemusnahan dan kematian yang terjadi.

Jawapan Dang Wangi untuk kata-kata Hang Jebat yang di atas ketara dalam menyatakan kasih. Pada bahagian awal disebutkan “kemuliaan hati”, tetapi pada bahagian akhirnya disebutkan “kucupan kasih selama” (Usman 1987: 227).

Hamba ingin mengucapkan  
sebelum hamba berlalu meninggalkan  
akan kemuliaan hati tuan hamba  
mengetahui bahawa  
selama ini tak pernah disebutkan  
tentang jiwa hamba  
untuk menerima  
sebuah kucupan kasih selama.

Peranan sebenar Dang Wangi sekurang-kurangnya ada tiga. Pertama, kewujudannya menjadikan drama ini mempunyai ruang romantik. Tanpa Dang Wangi, tidak mungkin dapat ditunjukkan segi-segi kelembutan Hang Jebat. Hang Jebat mempunyai perasaan kasih kepada perempuan, yang tidak membezakan dia daripada lelaki lain, secara umumnya. Kedua, kewujudan Dang Wangi memungkinkan Hang Jebat mengamalkan sikap demokratik. Apabila Hang Jebat menyebutkan kata “maut”, Dang Wangi berkata (Usman 1987: 230):

Ucapan itu hamba rasa berlainan  
menyebut-nyebut maut meski dengan suara tinggi  
yang menentang meski sebenarnya...  
ah, barangkali tuan hamba jadi murka  
jika apa yang terlintas ini  
lahir melalui lidah tak bertulang.

Dialog itu memuatkan ramalan bahawa Hang Jebat akan tewas. Dang Wangi menyatakan lintasan hatinya dengan berani, kemudian sedar bahawa kata-kata itu mungkin menimbulkan kemarahan Hang Jebat. Jawapan Hang Jebat memuatkan

makna bahawa kata-kata begitu jika ditujukan kepada Sultan, maka Dang Wangi akan mati (Usman 1987: 230):

Jika aku raja Melaka  
lehermu kupenggal ketika lidahmu  
mencecah kata yang menjijikkan.

Hang Jebat kemudian mengemukakan sikap demokratiknya (Usman 1987: 230):

Sebutkanlah! biar apa yang diucapkan  
tiap orang mendengar dengan dada berdebar...

Peranan yang ketiga, Dang Wangi muncul untuk menjadikan perwatakan Hang Jebat memiliki tumpuan sampingan yang heroik. Tumpuan utama Hang Jebat ialah pembelaan terhadap kematian Hang Tuah. Selain tumpuan itu, dalam *Hikayat Hang Tuah* dia dianggap penggoda dan penoda wanita secara umum. Itulah asalnya tumpuan yang bersifat sampingan atau tumpuan kedua. Tumpuan kedua ini menjadikan Hang Jebat tidak heroik. Dia penggoda dan penoda kesemua perempuan istana. Kemunculan Dang Wangi menjadikan Hang Jebat sebaliknya, iaitu dia adalah kekasih kepada seorang perempuan sahaja.

Jika Usman Awang memunculkan watak Dang Baru seperti seadanya dalam *Hikayat Hang Tuah*, maka kahadiran wanita itu dengan keadaan hamil tujuh bulan, tentulah berbeza. Semua dialog perlu tertumpu pada masalah menjaga kesihatan diri, dan memastikan anak dalam kandungan itu selamat. Usman Awang tentu telah mempertimbangkan hal ini, dan dia membuat kesimpulan, Dang Wangi perlu dimunculkan, dan Dang Baru diketepikan.

## KESIMPULAN

*Drama Matinya Seorang Pahlawan* ialah pelaksanaan adaptasi Usman Awang yang memuatkan pembelaan keadilan. Makna karya asal perlu dianjakkkan untuk maksud tersebut. Penderhakaan Hang Jebat dalam karya asal disertai nafsu untuk memperoleh kemewahan, kuasa dan wanita. *Hikayat Hang Tuah* menyatakan dengan jelas bahawa Hang Jebat bermukah dengan sejumlah perempuan istana. *Drama Matinya Seorang Pahlawan* membersihkan kisah, dengan mengetepikan hal demikian.

Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* datang ke istana sebagai wira yang membela Sultan. Dalam *Matinya Seorang Pahlawan*, Hang Tuah digambarkan buruk dan hina kerana mencuri keris Taming Sari daripada pinggang Hang Jebat. Hang Tuah tidak lebih daripada pahlawan dungu yang patuh melulu. Kata-kata Hang Tuah yang menunjukkan kesilapan Hang Jebat diketepikan. Babak selanjutnya yang ada dalam *Hikayat Hang Tuah*, iaitu peristiwa Hang Jebat membuat konfesi mukahnya dengan Dang Baru, tidak diambil oleh Usman Awang. Oleh itu, *Matinya Seorang Pahlawan* tidak melukiskan segi buruk Hang Jebat, setelah corak hubungannya dengan Dang Wangi disampaikan secara romantik dan menyenangkan. Semua ini menyebabkan Hang Jebat akhirnya kelihatan sebagai wira yang hebat, dan Hang

Tuah muncul sebagai pahlawan yang tidak kecukupan akal budi. Makna dan mesej *Hikayat Hang Tuah* sudah teranjak jauh.

**RUJUKAN:**

- Kassim Ahmad (ed.). 1995. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. 1996. *Sebuah Unggun di Tepi Danau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aisyah Murad. 1993. *Konsep Wira dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang. 1987. *Drama-Drama Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.